



SIARAN MEDIA

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

PENAFIAN INDIVIDU YANG MENDAKWA SEBAGAI AHLI KEHORMAT DAN AHLI BERSEKUTU RELA

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) mengambil maklum laporan berita dalam talian yang memetik kenyataan individu yang mengaku sebagai Presiden Persatuan Ahli-Ahli Kehormat RELA Sabah, iaitu Datuk Jerry Ambuting Mohd Said, seperti disiarkan pada 8 Disember 2025 melalui *The Borneo Post* (RELA Sabah: *PM's Pledge Not Remain Mere Politic Rethoric*) dan *Sabah News Today* (Kerajaan Persekutuan digesa tunai janji 40 peratus hasil Sabah tanpa lengah).

Berdasarkan semakan rekod rasmi RELA, penganugerahan beliau sebagai Ahli Kehormat dan Ahli Bersekutu RELA (AKBR) yang diberikan pada 22 Januari 2011 telah tamat tempoh pada 22 Januari 2014, dan tidak pernah diperbaharui atau dianugerahkan semula selepas tarikh tersebut.

Sehubungan itu, RELA menafikan bahawa individu berkenaan masih memegang status Ahli Kehormat dan Ahli Bersekutu RELA, dan tindakan beliau menggunakan nama RELA bagi mengeluarkan kenyataan peribadi tiada kaitan dengan pihak Jabatan.

RELA juga menegaskan bahawa tiada mana-mana individu atau pihak luar boleh mengeluarkan kenyataan media atas nama jabatan tanpa kelulusan pengurusan tertinggi.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA
8 DISEMBER 2025